

BAJET HARAPAN IPTA

» *Peruntukan merencanakan perkembangan R&D, pembinaan modal insan antara tumpuan utama*

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bajet 2015 yang bakal dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 10 Oktober ini menggalas harapan segenap lapisan rakyat dan organisasi di negara ini, termasuk institusi pengajian tinggi

awam (IPTA).

Pengurusan tertinggi beberapa IPTA ketika dihubungi *Varsiti*, baru-baru ini, berharap terus menikmati peruntukan sewajarnya menerusi bajet kali ini, terutama bagi merencanakan lagi perkembangan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembinaan modal insan berkualiti serta memastikan kelangsungan operasi dan agenda kemajuan.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan,

berkata peruntukan disalurkan kepada IPTA selama ini menunjukkan keyakinan dan komitmen kerajaan terhadap kepentingan sektor pengajian tinggi.

“Peruntukan RM80 juta hingga RM100 juta setahun adalah jumlah ideal bagi Universiti Penyelidikan meneruskan aktiviti inovasi, selain diharapkan pihak swasta atau industri yang menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan universiti diberi insentif seperti pelepasan cukai berganda,” katanya.

Dana pacu kajian **berimpak tinggi**

◉ Dari muka 1

Beliau berkata, mahasiswa yang mahu menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian pula diharap mendapat bantuan kerajaan, terutama untuk menjalankan perniagaan berkaitan bidang pengajian mereka, kerana inisiatif itu akan turut mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain.

“Di samping itu, Bajet 2015 diharapkan juga memfokus kepada bidang pertanian bandar yang relevan di lokasi padat seperti Johor Bahru, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, serta menggubal polisi mengutamakan pembelian produk berteknologi tinggi tempatan,” katanya.

Beri insentif menarik

Sementara itu Naib Canselor Universiti Malaysia



Prof Mohd Fauzi

Kelantan (UMK), Prof Datuk Dr Raduan Che Rose, berkata dua perkara perlu diberi perhatian serius, iaitu peruntukan kerajaan bagi R&D dan sumbangan industri kepada bidang penyelidikan.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Majlis Profesor Negara (MPN) berkata, setakat ini peruntukan R&D diperoleh secara



Prof Raduan

relatifnya kecil dan hanya sekitar 1 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) berbanding 3.5 peratus di Jepun dan Korea.

“Sekiranya negara ingin memacu ekonomi melalui industri berasaskan inovasi, peruntukan R&D perlu ditingkatkan.

“Pihak industri perlu diberi insentif menarik,



Prof Zakaria

terutama yang menyumbangkan dana R&D, sebagai galakan kepada mereka untuk terus bekerjasama dalam bidang penyelidikan,” katanya.

Tepati kehendak industri

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Zakaria Kasa, pula berkata selain peruntukan

bagi tujuan penyelidikan dan pewujudan program baharu, Bajet 2015 juga perlu menitikberatkan pembangunan modal insan.

Beliau berkata, penyelidikan sangat penting untuk memastikan negara ini berganjak daripada status pengguna kepada pencipta dan tidak hanya berterusan mengeksport produk yang sama.

“Jika kita mahu menghasilkan produk bermutu tinggi, penyelidikan perlu mendapat pembiayaan sewajarnya, justeru diharapkan Bajet 2015 memperuntukkan dana yang menggalakkan universiti tempatan untuk terus melakukan kajian berimpak tinggi.

“Penambahbaikan program pembangunan modal insan dan latihan kemahiran tinggi yang diperlukan negara juga penting bagi memastikan mahasiswa dihasilkan menepati kehendak industri,” katanya.